

PRIHEXINE TABLET

Bromhexine hydrochloride (8mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prihexine
2. Bagaimana Prihexine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Prihexine
4. Cara menggunakan Prihexine
5. Semasa menggunakan Prihexine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prihexine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Prihexine

Ia digunakan untuk menghilangkan mukus berlebihan di dalam saluran pernafasan yang mempunyai mukus banyak dan likat.

Bagaimana Prihexine berfungsi

Prihexine mengandungi bromhexine hydrochloride yang menambahkan kecairan dan mengurangkan kelikatan mukus. Ia melonggarkan mucus dan menyenangkan ia diludah keluar.

Sebelum menggunakan Prihexine

- Bila tidak boleh menggunakan
- jangan mengambil Prihexine jika ada alahan kepada bromhexine hydrochloride atau bahan tidak aktif dalam Prihexine.
- jangan ambil jika hamil untuk 3 bulan yang pertama.
- Sebelum menggunakan Prihexine
Beritahu doktor jika mempunyai masalah gastrik.
- Jika mengambil ubat-ubat lain
Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasarnya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Prihexine

- Berapa banyak harus digunakan
Dewasa: 1 - 2 biji tablet tiga kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.
- Bila perlu digunakan
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- Berapa lama perlu digunakan
Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.
- Jika terlupa menggunakan
Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi

anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Prihexine

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Prihexine. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Prihexine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
Penggunaan Prihexine harus diberi perhatian teliti semasa hamil. Kesan baik dan buruk daripada ubat ini kepada bayi harus dinilai.

Kesan-kesan sampingan

Prihexine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Loya, muntah dan iritasi gastrik kadangkala mungkin berlaku. Prihexine boleh mengakibatkan gerakbalas alergi dan kesan pada kulit yang serius. Hentikan penggunaan Prihexine dan dapatkan bantuan perubatan segera jika berlaku simptom-simptom berikut:

- 1) alergi serius: kesukaran pernafasan, pening, bengkak kulit atau ruam.
- 2) gerakbalas kulit serius: kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau iritasi mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Prihexine

- Penyimpanan
Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet bulat warna kuning dan berskor atas.
- Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif: bromhexine hydrochloride.
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, quinoline yellow lake dan magnesium stearate.
- Nombor MAL
MAL19912105XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini

21/07/2020

Nombor siri

NPRA(R4/1)100817/00204